

**PENILAIAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM (JAIS) DI SEKOLAH-
SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR**

Ab. Halim Tamuri
Kamarulzaman Abdul Ghani
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,

Rosli Mokhtar
Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Zetty Nurzuliana Rashed
Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohd Asmadi Mustakim
Jabatan Agama Islam Selangor

Zetty Nurakmal Azura bt. Rashed
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRACT

The Arabic Language had begun its expansion in the Malay Peninsula since the 13th and 14th century (Syed Naguib 1984, Zainal Abidin Kadir, 1990). Nevertheless, the development of the teaching of Arabic Language went through a drastic growth in tandem with the expansion of Islamic education during the era of Islamic revival in the 1970's. Henceforth, Arabic Language was being introduced in the National Education System (Hasan Basri Awang Mat Dahan 2003:165). Generally, the key players in the development of Arabic Language are none others than pondok institutions and religious schools. However, during the developmental period of school system, Government-funded Religious Schools or Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) played an important role in spreading the Arabic Language in Selangor. The teaching of Arabic Language has expanded over 40 years where hundreds of thousands of students have completed their study through the education system of SABK. Conversely, the system

faces several tribulations, for example its success rate in achieving the outlined objectives. Thus, the research aims to assess the implementation of the teaching and learning of Arabic Language of Sijil Menengah Agama (SMA) which uses Al Azhar curriculum. The objectives of the research are to identify students' perception towards Arabic Language in SABK and to investigate the teaching methods that are commonly used by the teachers. It is hoped that the research findings could shed some lights in enhancing the effectiveness of the teaching and learning of Al Azhar curriculum Arabic Language in SABK.

KATA KUNCI: Penilaian, Kurikulum, Pendidikan Islam, Sekolah Rendah Agama

PENDAHULUAN

Perbincangan tentang horizon baru dalam kurikulum Pendidikan Islam di seluruh dunia telah bermula secara aktif sejak “*The First Conference on Muslim Education*” yang diadakan di Makkah pada tahun 1977 (Syed Ali Ashraf, 1994). Semenjak tarikh tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh negara-negara Islam bagi merangka dan melaksanakan falsafah dan konsep Pendidikan Islam yang sesuai dengan tuntutan dan cabaran abad ke 21. Dalam konteks negeri Selangor, sistem pendidikan Islam yang menggunakan kurikulum BPI, JAIS telah mula berkembang pesat semenjak empat puluh tahun dahulu di mana ratusan ribu pelajar telah menamatkan pengajian melalui sistem pendidikan Islam BPI, JAIS ini sama ada di peringkat rendah atau pun menengah. Di peringkat sekolah rendah, murid-murid akan melalui enam tahun sistem pendidikan yang memberikan penekanan kepada pendidikan Islam dan juga Bahasa Arab. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah secara umumnya sangat bergantung kepada keupayaan dan peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik

darjah dalam mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Islam yang telah digubal.

1. LATAR BELAKANG MASALAH

Ab. Halim dan Nik Rahimi (2010) menjelaskan bahawa guru mengikut perspektif Islam mempunyai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai *murrabi*, *muaddib* bukan semata-mata seorang *mu'allim*. Rosnani Hashim (1997) telah menghuraikan guru sebagai *muaddib*, iaitu seorang yang bertanggungjawab dalam menerapkan adab (disiplin dalam pemikiran, fizikal dan rohani). Daripada istilah guru yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa guru mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan akhlak pelajar. Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menjelaskan bahawa para guru sangat disanjung dan diharapkan kerana mereka bukan sahaja berilmu semata-mata, tetapi juga mestilah mempunyai personaliti dan komitmen kepada Islam dan menunjukkan contoh yang baik kepada para murid, yang mana para murid boleh mengikuti guru mereka tanpa rasa ragu-ragu. Malah, guru yang tidak mempunyai sifat *taqwa* (*piousness*) tidak akan dapat menunjukkan atau memberikan contoh yang baik. Justeru, aspek pendekatan dan cara pengajaran guru pendidikan Islam juga perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa dan terkini.

Pada asasnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan besar kepada pembentukan diri pelajar. Beberapa persoalan perlu diberi perhatian oleh seorang guru dalam melaksanakan pengajarannya iaitu a) apakah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru pendidikan Islam tersebut? b) apakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tersebut berkesan? c) apakah kaedah pengajaran yang paling berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam? d) aspek

manakah dalam pendidikan Islam yang paling memberikan kesan kepada diri pelajar? Sehubungan dengan itu, kajian akan memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam kurikulum BPI, JAIS. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah objektif pengajaran, perancangan pengajaran, kaedah dan strategi pengajaran, pelaksanaan pengajaran, bahan bantu pengajaran, kreativiti guru, personaliti dan profesionalisma guru.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam JAIS. Bagi mencapai tujuan ini, terdapat beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- a. Mengkaji penilaian guru-guru dan murid-murid terhadap objektif kurikulum Pendidikan Islam JAIS.
- b. Mengkaji penilaian guru-guru dan murid-murid terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam JAIS.
- c. Mengenal pasti kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, BPI, JAIS.
- d. Memberi cadangan-cadangan untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam BPI, JAIS.

3. PERSOALAN KAJIAN

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut:

- a. Apakah penilaian guru-guru dan murid-murid terhadap objektif kurikulum Pendidikan Islam JAIS?

- b. Apakah penilaian guru-guru dan murid-murid terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam JAIS?
- c. Apakah kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, BPI, JAIS?
- d. Bagaimana untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam BPI, JAIS?

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian yang akan diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas kepada Bahagian Pendidikan Islam JAIS. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak Bahagian Pendidikan Islam JAIS boleh merangka dan melaksanakan kursus-kursus dalaman untuk meningkatkan tahap pengajaran guru pendidikan Islam. Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, pihak Bahagian Pendidikan Islam JAIS boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang telah wujud.

5. BATASAN KAJIAN

Kajian ini berasaskan kepada beberapa batasan.

- a. Penyelidik akan mengkaji strategi dan kaedah guru-guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam, BPI, JAIS.
- b. Responden kajian ini adalah guru-guru pendidikan Islam dan murid Sekolah Rendah Agama JAIS.
- c. Kajian ini tidak akan mengkaji pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah di negeri Selangor.

6. METODOLOGI KAJIAN

6.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah satu tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di SRA JAIS. Adalah diharapkan, kajian ini juga akan dapat menghasilkan satu dapatan yang lengkap tentang kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan Islam.

6.2 Instrumen Kajian

Dua jenis instrumen akan dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini:

- a) **Borang soal selidik guru:** Satu set borang soalselidik akan dibina untuk menilai persepsi dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru pendidikan Islam di SRA.
- b) **Borang soal selidik murid:** Satu set borang soalselidik akan dibina untuk melihat penilaian murid-murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di SRA.

Selain itu, penggunaan kedua-dua instrumen ini juga adalah sebagai salah satu cara untuk memenuhi aspek triangulasi sesebuah kajian yang mengumpulkan data dengan menggunakan pelbagai alat penyelidikan. Ini akan dapat melihat pandangan guru-guru dan murid-murid terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam JAIS.

Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, kesemua instrumen akan diuji (*pilot study*) kepada 60 orang murid darjah enam dan 30 orang guru Pendidikan Islam di dua buah SRA di Hulu Langat. Untuk tujuan penyelidikan ini, responden dalam ujian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Kajian rintis adalah satu usaha untuk meningkat dan memastikan bahawa instrumen-instrumen yang akan digunakan mempunyai kesahihan dan kebolehpercayaan. Murid-murid tersebut hanya mengambil masa 20-30

minit untuk menjawab borang soal selidik yang diberikan, manakala untuk temubual pula, penyelidik merancang proses temubual kumpulan yang dijalankan akan hanya mengambil masa 60-90 minit sahaja. Ujian realibiliti Cronbach yang telah dijalankan untuk instrumen guru mendapati tahap alpha kebolehpercayaan instrumen untuk bahagian objektif kurikulum pendidikan Islam JAIS adalah tinggi iaitu 0.954 dan bagi item pelaksanaan kurikulum juga berada tahap yang baik iaitu 0.715.

6.3 Responden kajian

Tahap pertama kajian ini telah melibatkan seramai 500 murid darjah lima dan enam SRA dan 200 orang guru agama SRA. Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Mohd Najib 1999, Burns 2000). Kajian ini hanya akan menumpukan kepada murid dan guru di SRA. Sekurang-kurang 30 orang murid darjah 6 dipilih secara rawak daripada setiap sekolah bagi menjawab borang soal selidik. Untuk borang soal selidik guru, sekurang-kurang 10-20 orang guru pendidikan Islam di sesebuah sekolah yang terlibat dijadikan responden kajian. Daerah-daerah dipilih secara rawak bagi mewakili negeri Selangor berdasarkan kepada tiga zon iaitu Zon Utara (Sabak Bernam), Zon Selatan (Hulu Langat) dan Tengah (Petaling).

6.4 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik akan mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir sekolah dan menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik mengumpulkan murid-murid yang menjadi responden kajian di dewan sekolah, perpustakaan sekolah ataupun di surau sekolah untuk menjawab borang soal selidik. Proses pengumpulan data melalui borang soal selidik akan

dilakukan oleh penyelidik sendiri dan akan dibantu oleh tiga orang pembantu penyelidik. Penyelidik juga akan mengadakan temujanji dengan guru-guru Pendidikan Islam sebelum diminta menjawab borang soal selidik yang disediakan untuk mendapatkan data-data tentang kaedah pengajaran yang mereka gunakan di dalam bilik darjah.

6.5 Analisis Data

Data-data yang diperolehi melalui kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan program PASW (*Version 18.0*). Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian akan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pembolehubah kajian. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengkodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Pada tahap ini, analisis data kajian akan digunakan dengan menggunakan perisian SPSS bagi analisis kuantitatif secara deskriptif. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dalam kajian ini analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis soal selidik. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah/Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana/Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi/Sesuai

Sumber : Ubahsuai daripada Ab. Halim (2010)

7. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

7.1 Latar Belakang Responden Kajian

Berikut adalah maklumat dan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini:

7.1.1 Latar Belakang Guru

Jadual 2 : Latar Belakang Guru

Latar belakang	Kategori	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	34	17.0
	Perempuan	166	83.0
	Jumlah	200	100.0
Daerah	Hulu Langat	60	30.0
	Petaling Jaya	40	20.0
	Sabak Bernam	100	50.0
	Jumlah	200	100.0
Kelayakan akademik	Sarjana	2	1.0
	muda/sarjana	84	42.0
	Diploma	33	16.5
	STPM/STAM/SPM	81	40.5
	Jumlah	200	100.0
Bidang Pengkhususan	Bahasa Arab	22	11.0
	Pendidikan Islam	175	87.5
	Jumlah	200	100.0
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	42	21.0
	6-10 tahun	49	24.5
	11-15 tahun	25	12.5
	16-20 tahun	45	22.5
	20 tahun keatas	39	19.5
	Jumlah	200	100.0
Jawatan	Guru besar	9	4.5
	Penolong Kanan 1	15	7.5
	Penolong Kanan 2	15	7.5
	Ketua Panitia	33	16.5
	Guru mata pelajaran	128	64.0
	Jumlah	200	100.0
Gred Jawatan	DG 29	73	36.5
	DG32	11	5.5
	Guru Kafa	116	58.0
	Jumlah	200	100.0

Jadual 2 adalah taburan latar belakang responden guru yang terlibat dengan kajian ini. Berdasarkan jadual ini, daripada 200 orang

responden guru yang terlibat sebanyak 34 guru (17.0%) adalah lelaki dan sebanyak 166 guru (83.0%) pula adalah perempuan.

Taburan responden berdasarkan daerah pula menunjukkan sebanyak 60 guru (30.0%) adalah dari Hulu Langat, 40 guru (20.0%) dari Petaling Jaya dan sebanyak 100 guru (50.0%) dari Sabak Bernam.

Manakala aspek kelayakan responden guru yang terlibat, jadual menunjukkan dari segi akademik kelompok terbanyak adalah mereka yang berkelulusan diploma iaitu sebanyak 84 guru (42.0%) diikuti dengan yang berkelulusan spm sebanyak 81 guru (40.5%). Kelayakan akademik lain pula melibatkan jumlah yang sedikit iaitu stpm/stam sebanyak 33 guru (16.5%) dan sarjana muda/sarjana iaitu sebanyak 2 guru (1.0%). Selain itu bidang pengkhususan responden menunjukkan sebanyak 175 guru (87.5%) berpengkhususan Pendidikan Islam dan sebanyak 22 guru (11.0%) berpengkhususan Bahasa Arab.

Dalam aspek pengalaman mengajar pula didapati responden guru yang terbanyak terlibat adalah antara enam hingga sepuluh tahun dengan 49 guru (24.5%), disusuli antara enam belas hingga dua puluh tahun iaitu 45 guru (22.5%), antara 1 hingga 5 tahun pula sebanyak 42 guru (21.0%), 20 tahun ke atas adalah 39 guru (19.5%) dan antara 10-15 tahun sebanyak 25 guru (12.5%).

Bagi jawatan/tugas responden guru yang terlibat dapat dilihat bahawa jawatan terbanyak adalah untuk guru mata pelajaran iaitu 128 guru (64.0%), ketua panitia 33 guru (16.5%), bagi penolong kanan 1 dan penolong kanan 2 masing-masing adalah 15 guru (7.5%) dan diikuti oleh guru besar iaitu sebanyak 9 guru (4.5%).

Seterusnya bagi gred jawatan responden guru yang terlibat dalam kajian ini, di dapati bahawa gred jawatan terbanyak adalah bagi guru kafa iaitu 116 guru (58.0%), DG29 sebanyak 73 guru (36.5%) dan diikuti gred DG32 sebanyak 11 guru (5.5%).

7.1.2 Latar Belakang Murid

Jadual 3 : Latar Belakang Murid

Latar belakang	Kategori	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	183	36.6
	Perempuan	317	63.4
	Jumlah	500	100
Daerah Sekolah	Hulu Langat	96	19.2
	Petaling Jaya	50	10.0
	Sabak Bernam	354	70.8
	Jumlah	500	100
Darjah	Darjah 5	193	38.6
	Darjah 6	307	61.4
	Jumlah	500	100

Jadual di atas menunjukkan taburan latar belakang murid-murid yang menjadi responden kajian ini. Dalam kajian ini seramai 500 orang murid telah terlibat dalam kajian ini dimana 317 (63.4%) adalah murid perempuan dan 183 (36.6%) adalah murid lelaki. Kajian ini telah dilaksanakan di tiga buah daerah iaitu daerah Hulu Langat, Petaling Jaya dan Sabak Bernam. Bagi daerah Hulu Langat sebanyak 96 murid (19.2%), daerah Petaling Jaya 50 murid (10.0%) dan daerah Sabak Bernam pula ialah 354 murid (70.8%). Murid-murid yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada murid darjah 5 iaitu sebanyak 193 murid (38.6%) dan murid darjah 6 sebanyak 307 (61.4%).

7.2 Dapatan Guru

Perbincangan dalam bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

7.2.1 Objektif Kurikulum Pendidikan Islam JAIS

Jadual berikut adalah menunjukkan dapatan kajian yang diperolehi daripada 200 guru pendidikan Islam terdapat objektif kurikulum pendidikan Islam JAIS.

**Jadual 4 : Penilaian Murid Terhadap Objektif Kurikulum
Pendidikan Islam JAIS.**

Bil	Item	Min
B1	membaca al-Quran dengan betul	4.62
B2	membaca al-Quran dengan fasih	4.55
B3	membaca al-Quran sebagai amalan harian	4.43
B4	menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup seorang murid Muslim	4.60
B5	menghafaz Juzuk 30 dengan betul	3.71
B6	menghafaz Juzuk 30 dengan lancar	3.68
B7	membaca surah yang dihafal dalam solat (wajib atau sunat)	4.63
B8	memahami asas akidah Islam	4.41
B9	meyakini asas akidah Islam	4.44
B10	beristiqamah dengan asas akidah Islam	4.45
B11	ada asas akidah dipelajari dijadikan benteng keimanan murid	4.50
B12	menghayati tuntutan ibadah fardu `ain	4.48
B13	menghayati tuntutan ibadah fardu kifayah	4.45
B14	melaksanakan tuntutan ibadah fardu `ain	4.58
B15	melaksanakan tuntutan ibadah fardu kifayah	4.49
B16	memahami perjalanan sirah Rasulallah sebagai asas perkembangan tamadun manusia	4.38
B17	mengambil iktibar perjalanan sirah Rasulallah	4.41
B18	mengamalkan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan seharian	4.58
B19	meninggalkan sifat mazmumah dalam kehidupan seharian	4.49
B20	membaca tulisan Jawi dengan betul	4.35
B21	menulis tulisan Jawi dengan betul	4.41
B22	berinteraksi dalam bahasa Arab yang mudah	4.16
B23	berinteraksi dalam bahasa Arab dengan tatabahasa yang betul	4.00
	Min keseluruhan	4.38

Jadual 4 menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan Islam di SRA secara umumnya mempunyai penilaian yang positif terhadap objektif yang ditetapkan dalam kurikulum pendidikan Islam JAIS. Ini dapat dilihat dalam kesemua item-item di atas yang mana min item-item tersebut berada pada aras tinggi iaitu antara 3.68 sehingga 4.63 dan min keseluruhan ialah 4.38. Hanya terdapat 2 item yang berada dibawah

4.00 iaitu item B5 dan B6 yang berkaitan dengan objektif kurikulum pendidikan Islam JAIS dalam aspek menghafal dengan betul dan lancar juzuk ke 30 al-Quran. Manakala item B23 berkaitan dengan kemampuan guru berinteraksi dalam bahasa Arab perlu juga diberikan perhatian kerana hanya berada pada aras 4.00 sahaja. Walaupun ketiga-tiga item masih berada aras tinggi, namun ianya menghampiri kategori sederhana. Ini menggambarkan terdapat kekurangan dalam aspek menghafaz al-Quran dan juga aspek berinteraksi dalam bahasa Arab dengan betul di kalangan murid-murid berdasarkan penilaian guru-guru pendidikan Islam mereka.

7.2.2 Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS

Jadual berikut pula menunjukkan penilaian guru-guru terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam JAIS.

Jadual 5: Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Jais

Bil	Item	Min
C1	Sukatan Pendidikan Islam JAIS memberi panduan kepada pengajaran dan pembelajaran	4.39
C2	Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) JAIS membantu saya dalam proses P&P	4.29
C3	Saya telah mendapat pendedahan yang mencukupi mengenai sukatan pelajaran	4.09
C4	Matlamat Pendidikan Islam JAIS yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah jelas	4.27
C5	Objektif kurikulum Pendidikan Islam JAIS adalah lengkap	4.08
C6	Pengalaman pembelajaran yang dicadangkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) sesuai dilaksanakan	4.09
C7	Saya berpuas hati dengan kaedah penilaian Pendidikan Islam yang diamalkan sekarang	4.01

Bil	Item	Min
C8	Saya mendapat pendedahan yang mencukupi untuk melaksanakan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS	3.97
C9	Saya mendapat latihan yang mencukupi untuk melaksanakan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS	3.92
C10	Bahan bantu mengajar Kurikulum Pendidikan Islam JAIS disediakan oleh pihak sekolah	3.96
C11	Saya boleh menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam JAIS	4.16
C12*	Saya mendapat pendedahan tentang penggunaan Bahan Bantu Mengajar	3.18
C13	Saya mendapat pendedahan untuk menghasilkan Bahan Bantu Mengajar	3.82
C14	Saya mendapat pendedahan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran	3.82
C15	Sekolah menyediakan kemudahan ICT untuk pengajaran dan pembelajaran	3.85
C16	Surau di sekolah saya digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran	3.70
C17	Surau di sekolah saya sesuai untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran	3.75
C18	Kelas saya sesuai/kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran	3.98
C19	Kelengkapan dalam kelas (papan putih/hitam, papan kenyataan, meja dan kerusi dan lain-lain) memuaskan	4.07
C20*	Jumlah murid tidak terlalu ramai (sesuai) di dalam kelas saya	2.82
C21*	Persekitaran sekolah saya menggalakkan suasana pengajaran dan pembelajaran	3.06
C22	Kemudahan perpustakaan ada di sekolah saya	3.75
C23	Kantin di sekolah adalah selesa	4.05
C24	Kemudahan padang permainan sesuai untuk aktiviti-aktiviti pelajar	3.46
C25	Tandas di sekolah saya memuaskan	3.71
C26*	Bilik guru di sekolah saya selesa	2.69
C27	Murid-murid berada dalam keadaan selamat di sekolah	4.16
C28	Pejabat urusan sekolah selesa untuk berurusan	4.04
C29	Kemudahan aktiviti ko-kurikulum disediakan di sekolah saya (Amali Islami dan lain-lain)	3.95

Bil	Item	Min
C30	Skop sukatan mata pelajaran Kurikulum Pendidikan Islam JAIS terlalu luas	3.66
C31*	Guru Pendidikan Islam menguasai ilmu-ilmu agama	2.76
C32*	Guru Pendidikan Islam menguasai bidang Bahasa Arab dengan baik	2.47
C33*	Guru Pendidikan Islam menguasai tulisan Jawi dengan baik	2.77
C34*	Guru Pendidikan Islam menguasai kemahiran al-Quran	2.92
C35*	Peperiksaan/penilaian Pendidikan Islam menepati objektif Kurikulum Pendidikan Islam (JAIS)	3.11
	Min keseluruhan	3.67

*Penyataan negatif yang telah ditukar kepada positif

Jadual 5 menunjukkan dapatan daripada penilaian guru-guru terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam JAIS di SRA di negeri Selangor. Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan penilaian guru-guru tersebut adalah baik namun min keseluruhan tersebut hanya berada pada tahap 3.67. Antara item-item yang dikategorikan tinggi adalah berkaitan dengan tujuan atau objektif, sukatan pelajaran kurikulum JAIS seperti:

A	Sukatan Pendidikan Islam JAIS memberi panduan kepada pengajaran dan pembelajaran	4.39
B	Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) JAIS membantu saya dalam proses P&P	4.29
C	Saya telah mendapat pendedahan yang mencukupi mengenai sukatan pelajaran	4.09
D	Matlamat Pendidikan Islam JAIS yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah jelas	4.27
E	Objektif kurikulum Pendidikan Islam JAIS adalah lengkap	4.08
F	Pengalaman pembelajaran yang dicadangkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) sesuai dilaksanakan	4.09

Selain daripada itu didapati min item-item lain yang dikategorikan tinggi iaitu berada sekitar 3.71 hingga 4.08.

Namun, jadual di bawah juga menunjukkan min beberapa item yang dikategorikan pada aras sederhana iaitu:

A	Saya mendapat pendedahan tentang penggunaan Bahan Bantu Mengajar	3.18
B	Jumlah murid tidak terlalu ramai (sesuai) di dalam kelas saya	2.82
C	Persekitaran sekolah saya menggalakkan suasana pengajaran dan pembelajaran	3.06
D	Kemudahan padang permainan sesuai untuk aktiviti-aktiviti murid	3.46
E	Bilik guru di sekolah saya selesa	2.69
F	Skop sukatan mata pelajaran Kurikulum Pendidikan Islam JAIS terlalu luas	3.66
G	Guru Pendidikan Islam menguasai ilmu-ilmu agama	2.76
H	Guru Pendidikan Islam menguasai bidang Bahasa Arab dengan baik	2.47
I	Guru Pendidikan Islam menguasai tulisan Jawi dengan baik	2.77
J	Guru Pendidikan Islam menguasai kemahiran al-Quran	2.92
K	Peperiksaan/penilaian Pendidikan Islam menepati objektif Kurikulum Pendidikan Islam (JAIS)	3.11

Dapatan ini menunjukkan terdapat beberapa aspek yang perlu diberikan perhatian dalam aspek pelaksanaan kurikulum JAIS kerana terdapat guru-guru yang kurang berpuas hati seperti pendedahan tentang penggunaan Bahan Bantu Mengajar, murid yang ramai dalam satu kelas, persekitaran yang kurang kondusif, kekurangan kemudahan permainan, bilik guru yang kurang selesa, skop yang luas, kekurangan penguasaan ilmu agama dan bahasa Arab. Selain itu terdapat isu berkaitan dengan penguasaan dan kemahiran tulisan jawi dalam kalangan guru pendidikan Islam sendiri. Salah satu aspek yang perlu diberikan perhatian ialah aspek penilaian kerana terdapat guru yang merasakan peperiksaan/penilaian pendidikan Islam sedia ada kurang menepati objektif Kurikulum Pendidikan Islam (JAIS).

7.2.2 Kesesuaian Kandungan Kurikulum JAIS Dengan Keperluan Murid

Selain itu, berdasarkan kepada pengalaman yang mereka ada, guru-guru juga diminta membuat penilaian terhadap kesesuaian kandungan kurikulum Pendidikan Islam JAIS dengan keperluan murid-murid mereka.

Jadual 6: Kesesuaian Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam, JAIS

Bil	Bidang	Min
A	Akhlak Islami	4.31
B	Asas Jawi	4.13
C	Fekah	4.24
D	Hafazan	4.16
E	Tauhid	4.35
F	Sirah	4.32
G	Tajwid	4.34
H	Imla'	4.40
I	Khat	4.42
J	Tilawah al-Quran	4.28
K	Bahasa Arab	4.45

Secara keseluruhannya, dapatan kajian di atas menunjukkan guru-guru melihat kandungan yang ditawarkan dalam kurikulum pendidikan Islam JAIS bersesuaian dengan keperluan murid-murid sekolah rendah. Ini berdasarkan kepada min setiap mata pelajaran yang ditawarkan berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 4.13 sehingga 4.45.

7.2.4 Kaedah yang digunakan dalam P&P Kurikulum Pendidikan Islam JAIS

Bahagian ini akan melaporkan kaedah yang sering digunakan oleh guru-guru pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan

Islam JAIS bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan kepada murid-murid.

Jadual 7: Tilawah Al-Quran

Tilawah Al-Quran	Min
Talaqqi dan Musyafahah	3.86
Kuliah / Penerangan	3.90
Bacaan beramai-ramai	4.36
Tasmi` dan Tashih	4.24
Latih Tubi	4.07
Perbincangan	3.81
Halaqah dan tadarus	3.84

Jadual 8: Hafazan

Hafazan	Min
Talaqqi dan Musyafahah	4.10
Memperdengarkan bacaan Ayat	4.52
Murid membaca beramai-ramai	4.61
Murid menghafaz dalam kumpulan	4.26
Murid menghafaz secara individu	4.45
Murid menghafaz secara pasangan	3.94
Latih Tubi menghafaz	4.56

Jadual 9: Tajwid

Tajwid	Min
Kuliah/Penerangan	4.40
Mengeluarkan contoh ayat al-Quran	4.52
Melakukan bacaan contoh	4.46
Bersoal jawab	4.43
Perbincangan	3.89
Murid mengulang bacaan	4.45
Latih tubi	4.52

Jadual 10 : Tauhid

Tauhid	Min
Kuliah / Penerangan/Syarah	4.35
Perbahasan	3.49
Bersoal jawab	4.56
Bercerita	4.34
Perbincangan	4.18
Projek	3.4
Sumbang saran	3.7
Lawatan	2.95
Kajian perpustakaan	3.09
Menulis rencana	3.21

Jadual 11 : Feqah

Feqah	Min
Kuliah / Penerangan	4.30
Tunjuk Cara / Demonstrasi	3.79
Projek	3.17
Pengurusan Grafik/Peta minda	3.34
Meramal masa depan	3.56
Amali	4.13
Soal Jawab	4.27
Simulasi	3.80
Bercerita	4.29
Latih Tubi	4.33
Lakonan	3.53

Jadual 12 : Asas Akhlak Islami

Asas Akhlak Islami	Min
Kuliah / Penerangan	4.21
Tunjuk Cara / Demonstrasi	3.88
Simulasi	3.59
Bercerita	3.87
Projek	3.30
Sumbang saran	3.53
Akhbar Dalam Darjah (ADD)	3.17
Latih Tubi	4.49

Asas Akhlak Islami	Min
Menulis rencana	3.18
Soal Jawab	4.48
Perbincangan kumpulan	4.01
Lakonan	3.57

Jadual 13: Sirah Rasulullah Saw

Sirah Rasulullah	Min
Kuliah / Penerangan	4.18
Tunjuk Cara / Demonstrasi	3.98
Bercerita	4.16
Simulasi	3.50
Projek	3.08
Pengurusan Grafik	3.01
Meramal masa depan	3.78
Latih Tubi	4.37
Perbincangan kumpulan	3.93
Lakonan	3.31

Jadual 14 : Asas Jawi

Asas Jawi	Min
Kuliah / Penerangan	4.31
Tunjuk Cara / Demonstrasi	4.03
Latih tubi penulisan	4.53
Membaca huruf	4.61
Pengulangan menyebut huruf/perkataan/ayat	4.35
Menulis rencana ringkas	3.77
Akhbar Dalam Darjah (ADD)	3.39
Latihan menulis semula dari perkataan yang dipaparkan	4.30
Latihan menulis semula dari perkataan tanpa teks (Imla')	4.06

Jadual 15 : Khat

Khat	Min
Kuliah / Penerangan	4.28
Tunjuk Cara / Demonstrasi	4.42
Latih tubi penulisan	4.48
Membaca huruf	4.61
Pengulangan menyebut huruf/perkataan/ayat	4.61
Menulis rencana ringkas	3.80
Akhbar Dalam Darjah (ADD)	3.24
Soal Jawab	4.36

Jadual 16 : Imla'

Imla'	Min
Kuliah / Penerangan	4.15
Tunjuk Cara / Demonstrasi	4.12
Latih tubi penulisan	4.60
Membaca huruf	4.60
Pengulangan menyebut huruf/perkataan/ayat	4.67
Latihan menulis semula dari perkataan yang dipaparkan	4.56
Latihan menulis semula dari perkataan tanpa teks (Imla')	4.03
Menulis rencana ringkas	3.75
Akhbar Dalam Darjah (ADD)	3.26
Soal Jawab	4.31

Jadual 17 : Asas Bahasa Arab

Asas Bahasa Arab	Min
Kuliah / Penerangan	4.04
Tunjuk Cara / Demonstrasi	3.88
Lakon semula	3.17
Memberi contoh	4.35
Soal-jawab	4.64
Latih tubi	4.64
Hafalan	4.53
Berdialog	3,43
Mendengar bacaan guru DENGAN melihat teks	4.51
Mendengar bacaan guru TANPA melihat teks	3.20

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru pendidikan Islam yang mengajar kurikulum pendidikan Islam JAIS ini lebih banyak melaksanakan kaedah-kaedah yang berpusatkan kepada guru. Tanpa menafikan kekuatan dan kejayaan kaedah tradisional berpusatkan guru ini, guru-guru ini agak kurang melaksanakan kaedah-kaedah yang berpusatkan kepada murid seperti *talaqqi musyafahah*, perbincangan, berdialog, lakon semula, akhbar dalam bilik darjah, menulis rencana ringkas, simulasi, sumbangsaran, projek, lakonan dan pengurusan minda.

Dapatan kajian dalam Jadual 7 sehingga Jadual 17 jelas menunjukkan guru-guru ini lebih kerap menggunakan kaedah berpusatkan guru seperti kuliah/syarahan atau penerangan, bercerita, bersoal jawab, mendengar bacaan guru, memberi contoh, tunjuk cara atau demonstrasi. Dapatan kajian ini juga mendapati kaedah latih tubi merupakan kaedah yang mempunyai kekerapan yang tertinggi dan sering digunakan oleh guru-guru dalam pelaksanaan mata-mata pelajaran pendidikan Islam di SRA. Sebagai contoh tahap kekerapan penggunaan kaedah latih tubi adalah tinggi dalam mata pelajaran Asas Bahasa Arab (4.64), Imla' (4.60), khat (4.48), sirah (4.37), Asas Akhlak Islami (4.49), Feqah (4.33), Tajwid (4.52).

7.3 Dapatan Murid

Bahagian ini akan membentangkan penilaian murid-murid terhadap kurikulum Pendidikan Islam JAIS.

7.3.1 Objektif Kurikulum Pendidikan Islam JAIS

Dalam kajian ini, murid-murid diminta memberikan maklum balas terhadap beberapa aspek penting yang ingin dicapai melalui kurikulum Pendidikan Islam JAIS. Berikut adalah dapatan yang diperolehi:

**Jadual 18 : Penilaian Murid-Murid Terhadap Objektif
Kurikulum JAIS**

Bil	Item	Ya %	Tidak %
B1	boleh membaca al-Quran dengan betul	91.2	8.8
B2	boleh membaca al-Quran dengan fasih	57.4	42.6
B3	membaca al-Quran setiap hari	46.6	53.4
B4	mengamalkan ajaran al-Quran setiap hari	47.0	53.0
B5	menghafaz Juzuk 30 dengan betul	11.4	88.6
B6	menghafaz Juzuk 30 dengan lancar	12.6	87.4
B7	membaca surah yang dihafal dalam solat (wajib atau sunat)	89.6	10.4
B8	memahami rukun-rukun Iman	95.4	4.6
B9	meyakini rukun-rukun iman	93.8	6.2
B10	sentiasa berpegang teguh dengan rukun-rukun iman	88.8	11.2
B11	menjadikan pelajaran Tauhid sebagai panduan hidup saya	88.8	11.2
B12	melaksanakan tuntutan ibadah fardu `ain	88.0	12.0
B13	melaksanakan tuntutan ibadah fardu kifayah	75.2	24.8
B14	memahami perjalanan sirah Rasulullah	92.6	7.4
B15	mengambil pengajaran dari sirah Rasulullah	88.3	11.7
B16	mengamalkan sifat-sifat terpuji dalam kehidupan seharian	70.8	29.2
B17	meninggalkan sifat keji dalam kehidupan seharian	70.2	29.8
B18	membaca tulisan Jawi dengan betul	93.4	6.6
B19	menulis tulisan Jawi dengan betul	79.2	20.8
B20	boleh bercakap dalam bahasa Arab dengan rakan saya	12.8	87.2

Dapatan kajian di atas secara keseluruhannya menunjukkan bahawa majoriti murid-murid yang terlibat dalam kajian ini merasa berpuas hati dengan beberapa aspek yang berkaitan dengan objektif yang dihasratkan dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam JAIS. Sebagai contoh, 95.4% murid-murid menyatakan bahawa mereka memahami rukun-rukun Iman berdasarkan tahap mereka melalui apa yang dipelajari di sekolah. Ini juga dapat dilihat dalam aspek keyakinan terhadap rukun iman yang terdapat 93.8% murid bersetuju dengan

pernyataan yang diberikan Begitu juga terdapat 93.4% murid yang menyatakan mereka dapat membaca Jawi dengan betul serta 92.6% murid bersetuju dengan pertanyaan mereka dapat memahami perjalanan sirah Rasulullah SAW.

Namun begitu terdapat juga beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkenaan tentang objektif yang ingin dicapai kerana terdapat ramai murid-murid yang tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan khususnya berkaitan aspek al-Quran. Sebagai contoh membaca al-Quran setiap hari, mengamalkan ajaran dalam al-Quran setiap hari, menghafaz Juzuk 30 dengan betul dan menghafaz Juzuk 30 dengan lancar. Salah satu aspek lain yang mana ramai murid-murid tidak bersetuju ialah item B20 iaitu kebolehan untuk bercakap dalam bahasa Arab dengan rakan mereka. Ini menunjukkan objektif yang ditetapkan ini tidak dapat dicapai sepenuhnya melalui pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan pada pandangan murid-murid kebanyakan objektif yang ingin dicapai dalam kurikulum ini sesuai dan dapat dicapai melalui pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di SRA.

7.3.2 Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS

Berikut adalah dapatan berkaitan dengan penilaian murid-murid terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam JAIS.

Jadual 19 : Penilaian Murid-Murid Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS

Bil	Item	Ya %	Tidak %
C1	Guru saya mengajar semua tajuk dalam buku teks	96.4	3.6
C2	Saya memahami semua tajuk pendidikan Islam yang diajar oleh guru	86.6	13.4

Bil	Item	Ya %	Tidak %
C3	Saya dapat memahami asas-asas ajaran Islam dengan baik di sekolah	88.2	11.8
C4	Saya dapat belajar banyak perkara baru mengenai ajaran Islam di sekolah	95.4	4.6
C5	Saya suka dengan cara ujian atau peperiksaan yang dibuat	96.2	3.8
C6	Guru saya mengajar dengan cara yang menarik	94.2	5.4
C7	Guru saya menggunakan bahan bantu mengajar Pendidikan Islam dalam bilik darjah	78.7	21.3
C8	Guru saya pernah menggunakan komputer semasa mengajar	34.8	65.2
C9	Guru saya menggunakan surau untuk belajar	53.1	46.9
C10	Saya seronok belajar di surau sekolah	63.8	36.2
C11	Saya rasa seronok berada dalam bilik darjah saya	98.0	2.0
C12	Saya berasa selesa belajar dalam bilik darjah saya	91.2	8.8
C13	Kelengkapan untuk belajar dalam bilik darjah mencukupi	87.6	12.4
C14	Kelengkapan untuk belajar (contoh: meja dan kerusi) dalam bilik darjah berada dalam keadaan baik	90.6	9.4
C15	Jumlah murid di dalam bilik darjah saya terlalu ramai	28.4	71.6
C16	Di sekolah saya ada perpustakaan	79.0	21.0
C17	Kantin di sekolah adalah selesa	70.9	29.1
C18	Terdapat padang permainan di sekolah saya	53.2	46.6
C19	Tandas di sekolah saya berkeadaan baik	62.0	38.0
C20	Saya berasa selamat berada di sekolah	96.4	3.6
C21	Kelengkapan untuk aktiviti ko-kurikulum disediakan (alatan sukan, kompong dan lain-lain)	77.8	22.2
C22	Guru saya fasih berbahasa Arab	84.8	15.2
C23	Tulisan Jawi guru pendidikan Islam saya kemas	96.0	4.0
C24	Saya suka mendengar bacaan al-Quran guru pendidikan Islam saya	96.4	3.6
C25	Saya boleh mengikut bacaan al-Quran guru pendidikan Islam saya	84.4	15.6
C26	Saya belajar pendidikan Islam sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja	27.2	72.8
C27	Saya mengetahui banyak maklumat daripada papan kenyataan di dalam kelas	88.2	11.8
C28	Kelas saya berkeadaan bersih	66.5	33.5

Dapatan kajian ini mendapati bahawa majoriti murid-murid berpuas hati dengan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam JAIS. Item-item di atas menunjukkan murid-murid bersetuju dengan beberapa aspek penting dalam pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS seperti pengajaran tajuk-tajuk yang ditetapkan, pengetahuan baru, merasa seronok dan selesa, kemudahan dalam bilik darjah, dan berasa selamat ketika berada di sekolah. Namun terdapat beberapa item yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan kerana jumlah murid-murid yang tidak berpuas hati adalah besar. Sebagai contoh, terdapat 33.5% murid yang tidak berpuas hati dengan kebersihan kelas mereka, 46.6% menyatakan tiada kemudahan permainan di sekolah, 38.0% menyatakan tidak puas hati dengan tandas sekolah mereka, 46.9% menyatakan guru-guru mereka tidak menggunakan surau sekolah sebagai tempat pengajaran pendidikan Islam, dan 29.1% murid tidak berpuashati dengan keadaan kantin sekolah mereka. Item yang paling rendah kadar berpuas hati ialah dalam aspek penggunaan komputer dalam pengajaran guru di mana hanya 34.8% murid yang menyatakan guru-guru mereka ada menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

7.3.3 Mata Pelajaran dan Guru Mata Pelajaran yang Disukai Murid

Jadual berikut menunjukkan mata pelajaran yang disukai oleh murid-murid di SRA.

Jadual 20: Mata Pelajaran Yang Disukai Murid-Murid

Bil	Bidang	Jumlah Murid
A	Akhlak Islami	254 (50.8%)
B	Asas Jawi	242 (48.4%)
C	Fekah	371 (74.2%)
D	Hafazan	182 (36.4%)
E	Tauhid	302 (60.4%)
F	Sirah	281 (56.2%)
G	Tajwid	301 (60.2%)

H	Imla'	86 (17.2%)
I	Khat	136 (27.2%)
J	Tilawah al-Quran	229 (45.8%)
K	Bahasa Arab	202 (40.4%)

Dapatan dalam jadual 20 menunjukkan lima mata pelajaran yang paling disukai ialah Feqah, Tauhid, Tajwid, Akhlak Islami dan Asas Jawi. Berikut pula adalah dapatan berkaitan dengan guru- guru mata pelajaran yang paling disukai oleh murid-murid di SRA.

Jadual 21: Lima Guru Mata Pelajaran yang Paling Disukai Murid-Murid

Bil	Bidang	Jumlah Pelajar
A	Akhlak Islami	254 (50.8%)
B	Asas Jawi	221 (44.2%)
C	Fekah	344 (66.8%)
D	Hafazan	206 (41.2%)
E	Tauhid	270 (54.0%)
F	Sirah	263 (52.6%)
G	Tajwid	338 (67.6%)
H	Imla'	100 (20.0%)
I	Khat	121 (24.2%)
J	Tilawah al-Quran	240 (48.0%)
K	Bahasa Arab	245 (49.0%)

Bagi aspek guru yang paling diminati oleh pelajar-pelajar pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar Tajwid adalah yang paling disukai oleh murid-murid diikuti oleh guru-guru Feqah, Tauhid, Sirah dan Akhlak Islami. Ini menggambarkan terhadap kelebihan dan kemahiran yang ada kepada guru-guru ini sehingga murid-murid menyukai mereka dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

7.3.4 Penilaian Murid Terhadap Buku Teks

Kajian juga melihat persepsi murid-murid terhadap buku teks kurikulum Pendidikan Islam JAIS yang digunakan di sekolah mereka.

Bil	Bidang	Menarik %	Tidak Menarik %
A	Akhlak Islami	88.1	11.9
B	Asas Jawi	86.4	13.6
C	Fekah	95.6	4.4
D	Tauhid	95.5	4.5
E	Sirah	90.9	9.1
F	Tajwid	89.6	10.4
G	Imla'	77.0	23.0
H	Khat	76.4	23.6
I	Tilawah al-Quran	91.2	8.8
J	Bahasa Arab	87.4	12.6

Secara umumnya, berdasarkan dapatan kajian dalam jadual di atas, majoriti murid berpuas hati dengan buku teks yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di SRA.

8. RUMUSAN DAN CADANGAN

8.1 Rumusan

Secara kesimpulannya, kajian ini memberikan pelbagai implikasi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di SRA. Antara aspek yang memberi implikasi yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran ialah objektif kurikulum Pendidikan Islam JAIS, pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS, kesesuaian kandungan kurikulum JAIS dengan keperluan murid, kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam JAIS, matapelajaran dan guru matapelajaran yang disukai oleh murid serta penilaian murid terhadap buku teks yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam JAIS.

Bagi menjawab objektif pertama, kajian yang dilakukan mendapati dua pihak penting yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di SRA iaitu guru dan murid memberi penilaian yang sangat positif. Dalam aspek objektif kurikulum Pendidikan Islam JAIS, majoriti guru memberikan penilaian yang positif dalam kesemua aspek yang dikaji. Manakala bagi murid, majoriti mereka merasa berpuas hati dengan beberapa aspek yang berkaitan dengan objektif yang dihasratkan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam JAIS seperti memahami dan meyakini rukun-rukun iman, dapat membaca tulisan jawi dengan betul serta memahami sirah Rasulullah dengan baik. Namun begitu, terdapat juga kekurangan dan kelemahan dalam aspek menghafaz al-Qur'an dan berinteraksi dalam bahasa Arab dengan betul dalam kalangan murid.

Untuk objektif kedua pula yang meliputi pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam JAIS, secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan kedua-dua pihak guru dan murid memberi penilaian yang baik. Majoriti daripada murid berpuas hati dengan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam JAIS kerana mereka mendapat banyak pengetahuan baru dan merasa seronok serta selesa dengan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam JAIS. Namun begitu, dapatan ini menunjukkan kekurangan dan kepincangan yang amat ketara dalam aspek penggunaan bahan bantu mengajar, keadaan kelas yang kecil yang memberikan ketidakselesaan pada murid yang ramai, persekitaran sekolah yang kurang kondusif, keadaan bilik guru yang kurang selesa, terdapat juga guru Pendidikan Islam yang tidak dapat menguasai tulisan jawi dengan baik serta peperiksaan atau penilaian yang tidak menepati kurikulum Pendidikan Islam JAIS. Berdasarkan kepada penilaian responden kajian, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kandungan kurikulum yang disediakan oleh JAIS adalah sesuai dengan keperluan murid.

Bagi menjawab objektif ketiga, kajian ini menunjukkan kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam JAIS kebanyakannya tertumpu kepada kaedah-kaedah yang berpusatkan guru. Sebagai contoh kajian mendapati guru-guru gemar menggunakan kaedah kuliah atau penerangan, bercerita, soal jawab, memberi contoh, tunjuk cara atau demonstrasi. Kaedah latih tubi adalah merupakan kaedah yang paling digemari oleh guru dalam semua subjek yang diajar. Daripada aspek minat terhadap matapelajaran, kajian ini mendapati Fekah, Tauhid, Tajwid, Akhlak Islami dan Asas Jawi adalah matapelajaran yang paling digemari oleh murid. Secara umumnya, buku-buku teks yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum SRA adalah menarik dan sesuai dengan kehendak dan keperluan murid-murid.

8.2 Cadangan

Dapatan-dapatan yang diperoleh dalam kajian ini telah memperlihatkan penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam JAIS di SRA. Dapatan yang telah dibincangkan mendedahkan kekuatan yang sedia ada dan beberapa kelemahan serta kekurangan yang memerlukan tindakan dan perancangan yang berbeza berdasarkan tahap kekuatan dan kelemahan yang telah dibincangkan. Oleh yang demikian, beberapa cadangan dibuat dalam kajian ini bagi membolehkan semua pihak yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan inovasi kurikulum merangka perancangan yang strategik serta pelan tindakan jangka panjang dan jangka pendek yang perlu dilaksanakan untuk membolehkan semua pihak dapat memberikan sumbangan dan input yang sesuai dalam mewujudkan amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan efektif.

8.2.1 Cadangan kepada Bahagian Pendidikan Islam JAIS

Bahagian Pendidikan Islam JAIS perlu mengambil langkah-langkah dan inisiatif dalam menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti untuk disalurkan kepada sekolah rendah agama di seluruh Selangor.

Di samping itu juga pihak JAIS perlu mempunyai hubungan dan kerjasama yang baik dengan pihak sekolah bagi memastikan prasarana dan infrastruktur mencukupi untuk keperluan murid di sekolah seperti kelas yang kondusif, bilik guru yang selesa, padang permainan yang luas serta keperluan yang lain yang bersesuaian dengan murid.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS khususnya kepada panel penggubal soalan peperiksaan perlu menyemak dan menyelaras soalan-soalan peperiksaan matapelajaran pendidikan Islam agar ia bersesuaian dengan kurikulum Pendidikan Islam JAIS. Ini adalah kerana ia memberi implikasi yang besar terhadap penilaian pencapaian murid-murid terhadap perkembangan matapelajaran Pendidikan Islam.

8.2.2 Cadangan kepada Pihak Pengurusan Sekolah

Pihak pengurusan sekolah perlu menyediakan bahan bantuan mengajar yang mencukupi kepada guru-guru pendidikan Islam bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Di samping itu juga, persekitaran yang baik seperti keadaan kelas yang kondusif perlu diambil perhatian. Di sini, peranan guru besar dan pihak sekolah adalah penting bagi memastikan keadaan kelas adalah selesa dan bersesuaian dengan bilangan pelajar. Suasana persekitaran sekolah juga perlu bersih dan kemas, contohnya pihak sekolah perlu menyediakan padang permainan yang sesuai dengan kurikulum pendidikan sekolah dan tandas yang bersih bagi melancarkan perkembangan fizikal dan emosi murid.

Suasana bilik guru yang kurang selesa juga akan mempengaruhi sikap dan keprihatinan guru untuk memberi komitmen sepenuhnya

dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, pihak sekolah perlu menyediakan bilik guru yang bersesuaian dan kondusif bagi meningkatkan tahap dan mutu perkhidmatan pengajaran dan pendidikan.

Pihak sekolah juga perlu menghantar guru-guru pendidikan Islam mempelajari kemahiran Bahasa Arab dan tulisan jawi bagi memastikan murid-murid dapat menguasai sepenuhnya penguasaan terhadap kemahiran tulisan Jawi dan bahasa Arab. Guru juga perlu mempunyai inisiatif yang tinggi dalam menguasai ilmu dalam bidang agama Islam yang bersesuaian dengan syariat Islam. Ini adalah untuk memastikan murid dapat dibentuk dengan acuan yang bercirikan Islam yang jitu.

8.2.3 Cadangan kepada guru Pendidikan Islam

Guru pendidikan Islam perlu mempunyai inisiatif melatih dan membimbing murid-murid mencintai al-Quran. Seperti yang kita ketahui al-Quran merupakan pedoman dan petunjuk ke arah membentuk insan yang berguna di masa hadapan. Guru juga perlu mempelajari kaedah dan teknik penyediaan bahan bantuan mengajar bagi memastikan pelajar berminat untuk mempelajari matapelajaran pendidikan Islam seperti penggunaan komputer dalam pembelajaran, pembelajaran di dalam surau serta menggunakan bahan bantuan mengajar yang pelbagai dan interaktif. Guru juga perlu banyak mempraktikkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid seperti kaedah simulasi, lakonan, drama, perbincangan dan juga aktiviti berkumpulan.

8.2.4 Cadangan kepada ibu bapa murid

Peranan ibu bapa juga adalah penting bagi memastikan murid dapat menghafaz al-Quran dengan betul dan baik. Mereka perlu memantau

tahap pembacaan dan pemahaman anak-anak serta memupuk minat membaca al-Quran. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada program pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh pihak sekolah.

9. PENUTUP

Kajian ini telah mengemukakan jawapan kepada persoalan kajian berkaitan penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum pendidikan Islam JAIS di sekolah-sekolah rendah agama negeri Selangor. Dapatan kajian dan implikasi kajian telah dibentangkan berdasarkan aspek persepsi guru dan murid terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum pendidikan Islam bahagian pendidikan Islam JAIS di sekolah-sekolah rendah negeri Selangor. Kajian ini telah memberi gambaran terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang masih mempunyai kelemahan yang memerlukan perhatian, tindakan dan perancangan segera agar kelemahan dan kecacatan dapat diatasi dengan baik. Begitu juga kekuatan dan keteguhan dalam beberapa elemen dapat di pertahankan untuk menghasilkan produk yang lebih baik dan berkualiti. Kajian ini juga mengemukakan cadangan kepada Bahagian Pendidikan Islam JAIS, pihak pengurusan sekolah, guru pendidikan Islam dan ibubapa pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin dan Tajul Ariffin Nordin (2003). *“Fungsi surau dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah negeri Selangor”*. Laporan Kajian UKM: Fakulti Pendidikan.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim dan Khadijah Abdul Razak (2004). *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan akhir projek penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2010) *“Isu pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam”* Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (ed). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zawawi Ismail, Mohd Aderi Che Noh, Kamarulzaman Abdul Ghani, Zulkipfli Din, Muhamad Zahidi Ariffin dan Abu Khuhafah Abu Bakar (2010). *Kajian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia*. Laporan akhir projek penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Azhar Ahmad (2010), *Strategi pembelajaran Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak*. Kuching: Propes.
- Burns, R.B. (2000) *Introduction to reserach methods*. London: Sage Publication.
- Hashim, Rosnani (1996). *Educational dualism in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Halstead, J. Mark (1996). "*Liberal Values and Liberal Education*", in J. Mark Halstead and Monica J. Taylor (eds.) *Values in education and education Values*. London: The Falmer Press.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2010). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM
- Syed Sajjad Husain and Syed Ali Ashraf (1979). *Crisis in Muslim Education*, Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Syed Ali Ashraf (1994). "*Faith-Based Education: A Theoretical Shift from the Secular to the Transcendent*", *MEQ*, Vol. 11, No. 2. ms.1-4.
- Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1979). "*Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education*" in S.M.N. al-Attas (ed.). 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Zawawi Ahmad (1996). *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.